

## SIARAN AKHBAR

### RM9.6 JUTA POTENSI JUALAN UNTUK PKS DIREKOD SELEPAS PEMBAHARUAN MoU ANTARA MALAYSIA DAN TURKIYE

**KUALA LUMPUR, 18 September 2023** – SME Corp. Malaysia mencatatkan satu lagi pencapaian yang membanggakan melalui pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *Small and Medium Enterprise Development Organisation of Turkiye* (KOSGEB) pada 11 September 2023. Majlis yang berlangsung di Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur telah membuktikan komitmen padu oleh kedua-dua buah negara dalam meningkatkan hubungan dua hala dan menyokong pertumbuhan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Pembaharuan MoU tersebut juga diperkuuh dengan pengumuman 'Global Be-Linked', iaitu inisiatif padanan perniagaan khusus untuk PMKS Malaysia dengan PMKS dari luar negara seperti Turkiye. Melalui penyertaan 12 firma dari Turkiye dan 37 PMKS dari Malaysia, sebanyak 42 sesi padanan perniagaan telah berjaya dilaksanakan yang menghasilkan potensi jualan bernilai hampir RM9.6 juta.

Menurut YBrs Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia, "SME Corp. Malaysia bersedia untuk meneruskan komitmen dalam pembangunan PMKS di peringkat antarabangsa yang diterajui bersama oleh Malaysia dan Turkiye. Misi yang dijalankan adalah jelas – mengukuhkan ikatan hubungan kedua-dua belah pihak, menerajui pembangunan PMKS, dan memanfaatkan potensi besar kepentingan bersama sedia ada".

Majlis ini juga telah diserikan dengan kehadiran tetamu kenamaan termasuklah Tuan Yang Terutama Emir Salim Yuksel, Duta Besar Republik Turkiye ke Malaysia dan YBrs. Dr. Fatih Gökyurt, Naib Presiden KOSGEB. Kerjasama antara kedua-dua belah pihak ini telahpun bermula sejak MoU pertama dimeterai pada 22 Februari 2011 dan telah diperbaharui pada tahun 2017.

Mesyuarat di antara komuniti perniagaan Malaysia dan Turkiye merentasi beberapa sektor penting termasuklah Makanan & Minuman , industri Halal dan juga Elektrik & Elektronik (E&E) yang berlandaskan kejayaan usahasama terdahulu. Misi eksplorasi perdagangan ke Istanbul dan Sakarya pada bulan Februari 2023 yang diketuai oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Industri Islam Antarabangsa Malaysia (MIICCI) serta disokong oleh KOSGEB, telah berjaya menjana jumlah nilai dagangan hampir RM1.1 bilion.

Statistik terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM) telah menekankan kepentingan untuk terus komited dalam usaha mempermudah akses pasaran kepada PMKS. Pada tahun 2022, PMKS mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 11.6%, mengatasi pertumbuhan KDNK keseluruhan pada kadar 8.7%. Hasilnya, sumbangan PMKS kepada KDNK meningkat kepada 38.4%, berbanding 37.4% pada tahun 2021. Dari segi eksport, PMKS Malaysia merekodkan sebanyak RM144.5 bilion nilai dagangan eksport pada 2022. Manakala dari segi pasaran pekerjaan, PMKS mewakili 48.2% daripada landskap pekerjaan Malaysia, melibatkan tenaga kerja seramai 7.59 juta individu. Oleh itu, usaha dalam memastikan akses serta pengembangan pasaran bagi PMKS menerusi hubungan dua hala adalah penting bagi ekonomi negara.

**- TAMAT -**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Strategik**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
**Tel : 03-2775 6290**  
**Emel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)**